

## MENANDAKAN BETUL ATAU SALAH

Tandakan dengan ( **B** ) bagi kenyataan yang **BETUL** dan ( **S** ) bagi kenyataan yang **SALAH**.

1. Kita perlu memulangkan barang yang kita pinjam. (  )
2. Jika seseorang menyatakan rahsianya kepada kita, kita boleh memberitahu kepada orang lain. (  )
3. Kita hendaklah menggunakan panggilan yang sopan dan sesuai kepada orang lain. (  )
4. Jika orang membuat kesalahan, kita tidak perlu memaafkan mereka. (  )
5. Kita perlu prihatin dan belas kasihan akan orang disekeliling kita. (  )
6. Jika kita berbual-bual dengan kawan-kawan, kita jangan bagi peluang mereka untuk bercakap. (  )
7. Persahabatan yang baik ialah mereka yang tidak mudah tersinggung jika ditegur akan kesilapannya. (  )
8. Kita tidak perlu bersikap jujur dalam percakapan dan juga perbuatan. (  )
9. Dalam pergaulan kita boleh bergurau senda asalkan tidak berlebihan dan menyinggung perasaan orang. (  )
10. Kita tidak perlu berkawan dengan orang yang tidak setaraf dengan kita. (  )

11. Kita hendaklah bercakap dengan suara yang sesuai ketika berbual-bual. (\_\_\_\_\_)
12. Jika barang yang kita pinjam rosak, kita tidak perlu memulangkannya. (\_\_\_\_\_)
13. Kita tidak perlu tersinggung jika seseorang menegur akan kesilapan kita. (\_\_\_\_\_)
14. Kita tidak perlu simpati jika kawan kita menghadapi masalah. (\_\_\_\_\_)
15. Kita perlu membawa atau mengajak kawan-kawan kita untuk  
berbuat perkara yang berfaedah. (\_\_\_\_\_)